

05 MAR 2000

Umno-Ledang

LEDANG, SENAI DAN TENGGARA CALON MAHATHIR DAN PAK LAH

MUAR, 5 Mac (Bernama) -- Mesyuarat perwakilan Umno Bahagian Ledang hari ini sebulat suara mencalonkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai presiden dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai timbalan presiden pada pemilihan pucuk pimpinan Umno Mei ini.

Bahagian itu juga telah mencalonkan Menteri Besar Johor Datuk Abdul Ghani Othman, Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak dan Menteri Besar Selangor Datuk Seri Abu Hassan Omar bagi jawatan naib presiden.

Mesyuarat perwakilan itu dirasmikan oleh Abdul Ghani, yang juga Ketua Umno Bahagian Ledang dan Pengerusi Perhubungan Umno Johor.

Mereka yang dicalonkan untuk jawatan Majlis Tertinggi (MT) ialah: Adam Hamid, Datuk Shahrir Samad, Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali, Datuk Wira Mohd Ali Rustam, Datuk Syed Razak Syed Zain, Datuk Osu Sukam, Datuk Seri Shahidan Kassim, Datuk Seri Adnan Yaacob, Datuk Paduka Abdul Hamid Othman, Datuk Mohd Nazri Aziz, Tan Sri Kasitah Gaddam, Datuk Azmi Khalid;

Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir, Datuk Dr Shafie Mohd Salleh, Datuk Shahrizat Abdul Jalil, Datuk Suleiman Mohamed, Datuk Khalid Yunus, Datuk Aziz Shamsuddin, Datuk Seri Shariff Omar, Datuk Mustapa Mohamad, Datuk Dr Hilmi Yahya, Datuk Dr Yusof Noor, Abdul Azim Mohd Zabidi, Datuk Zahid Hamidi dan Datuk Salleh Tun Said.

Sementara itu, Umno Bahagian SENAI turut mencalonkan Dr Mahathir dan Abdullah masing-masing bagi jawatan presiden dan timbalan presiden.

Tiga nama bagi jawatan naib presiden yang dicalonkan ialah Abdul Ghani, Najib dan Ketua Menteri Sabah Datuk Osu Sukam.

Mereka yang dicalonkan bagi jawatan MT oleh bahagian itu ialah Adam Hamid, Datuk Shahrir Samad, Datuk Wira Mohd Ali Rustam, Datuk Khalid Yunus, Datuk Ishak Ismail, Datuk Dr Shafie Mohd Salleh, Datuk Mohd Zain Mohammed, Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali, Datuk Mohd Nazri Aziz, Datuk Dr Malek Hanafiah, Datuk Dr Hilmi Yahya;

Datuk Shariff Omar, Datuk Syed Razak Syed Zain, Datuk Azmi Khalid, Datuk Mustapa Mohamad, Datuk Idris Jusoh, Datuk Awang Jabar, Datuk Seri Adnan Yaacob, Datuk Hassan Ariffin, Datuk Dr Jamaluddin Jarjis, Datuk Lajim Okim, Tan Sri Kasitah Gaddam, Datuk Salleh Tun Said, Datuk Suleiman Mohamed dan Datuk Shahrizat Abdul Jalil.

Umno Bahagian TENGGARA, yang bermesyuarat hari ini, juga sebulat suara mencalonkan Dr Mahathir dan Abdullah.

Nama-nama yang dicalonkan bagi jawatan naib presiden ialah Abdul Ghani, Najib dan Osu.

Calon-calon MT pula ialah Datuk Dr Abdul Hamid Othman, Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir, Datuk Mohamed Nazri Abdul Aziz, Datuk Mohd Shafie Afdal, Adam Abdul Hamid, Tan Sri Shahidan Kassim, Datuk Wira Mohd Ali Rustam, Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali, Datuk Tengku Azlan Shah Abu Bakar, Abdul Azim Zabidi, Tan Sri Rahim Tamby Chik, Datuk Azmi Khalid, Datuk Zainal Abidin Zinn, Tan Sri Kasitah Gadam, Datuk Ahmad Zahid Hamidi, Datuk Dr. Shafie Mohd Salleh, Datuk Dr Helmi Yahya, Datuk Dr Yusof Noor, Datuk Shahrizat Abdul Jalil, Datuk Adnan Yaacob, Datuk Dr. Sulaiman Mohamed, Baharom Abdul Ghani, Datuk Mustapa Mohamed dan Datuk Jamaluddin Jarjis.

-- BERNAMA

MKO RAM BH NMO